

Sultan Selangor isytihar Hutan Warisan Diraja

Shah Alam: Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan berangkat menyempurnakan perisytiharan Hutan Warisan Diraja Selangor, di sini semalam.

Berangkat sama, Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Pada majlis itu, Sultan Sharafuddin turut berkenan melancarkan buku 'Pelan Induk Pembangunan Hutan Warisan Diraja Selangor'.

Pada 17 Mac lalu, Sultan Selangor dilaporkan bertitah agar kawasan hutan simpan kekal di Selangor yang berkeluasan 108,000 hektar terus dipelihara.

Baginda turut mencadangkan kerajaan negeri melanjutkan tempoh dasar pembalakan pemantauan, yang kini ditetapkan selama 25 tahun, untuk tidak membenarkan sebarang aktiviti pembalakan di dalam hutan simpan kekal sejak 2009.

Hutan Warisan Diraja Selangor berkeluasan 108,000 hektar itu adalah Hutan Taman Negeri di bawah satu daripada pengelasan hutan perlindungan iaitu Seksyen 10, Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negeri Selangor 1985.

BERNAMA